



Pahang patuhi syarat, prosedur laksana projek Bandar Aeroangkasa Pahang

Oleh [Asrol Awang](#) - Ogos 4, 2022 @ 7:34pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail

KUANTAN: Kerajaan Pahang sentiasa berusaha untuk memastikan segala syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dipatuhi dalam usaha merealisasikan pelaksanaan projek pembangunan Bandar Aeroangkasa Pahang.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata projek itu membabitkan komponen pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan dan projek bercampur.

Beliau berkata, menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bermesyuarat pada 15 Julai 2020, kerajaan negeri bersetuju supaya kajian komprehensif terhadap cadangan pembinaan Bandar Aeroangkasa Pahang dilaksanakan.

"Cadangan projek ini sudah dibentangkan dan mendapat perakuan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-39, yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 21 Oktober 2021.

"Pembangunan projek ini akan dibangunkan di atas tanah seluas 5,042 hektar di kawasan Gebeng, Kuantan, secara usaha sama iaitu melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dengan konsep pembangunan adalah secara Build-Operate-Own (BOO).

"Pengoperasian lapangan terbang ini akan dikendalikan oleh pihak syarikat sepenuhnya melalui cadangan pembentukan syarikat tujuan khusus (SPV) iaitu Pahang Airport Berhad," katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Wan Rosdy berkata demikian bagi mengulas soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Seremban, Loke Siew Fook, pada Persidangan Dewan Rakyat, semalam, berhubung projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan.

Dalam usaha merealisasikan projek itu, Wan Rosdy berkata, satu garis masa ditetapkan bagi jangkaan tempoh pembinaan dan jangkaan mula beroperasi bagi memastikan semua pemegang taruh membuat tindakan dan mematuhi semua syarat pembinaan lapangan terbang sehingga mendapat kelulusan Aerodrome Operator Licence (AOL) daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia (CAAM).

"Perancangan garis masa ini penting bagi kerajaan negeri kerana projek ini adalah projek berimpak tinggi selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Pahang sebagai Hab Transit Negara.

"Pembinaan Bandar Aeroangkasa Pahang ini turut mengambil kira faktor hab ekonomi yang lain kerana ia terletak di Kawasan Industri Gebeng serta berhampiran dengan Pelabuhan Kuantan dan Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) serta menjadi pintu masuk utama ke negeri Pantai Timur," katanya.

Wan Rosdy berkata, pada 1 Mac lalu, satu Memorandum Perjanjian (MoA) dimeterai antara Perbadanan Setiausaha Kerajaan selaku pemilik tanah, Pahang Corporation Sdn Bhd sebagai pengurus dan penasihat projek serta Gading Group Berhad selaku pemaju utama bagi pembangunan Bandar Aeroangkasa Pahang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan.

Selain itu, katanya, dua memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara pemaju utama dan rakan strategik pada 6 Julai lalu, bagi pembanguna projek terbabit.

"Kerajaan Pahang sentiasa komited untuk menjadi sebuah negeri yang mesra pelabur dengan menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif.

"Saya amat berharap projek ini mendapat sokongan semua pihak, supaya lonjakan ekonomi bukan sahaja diterima oleh negeri Pahang, malah negeri lain terutama negeri di Pantai Timur," katanya.